

KRISIS EKONOMI SEBAGAI FAKTOR KEGANASAN RUMAH TANGGA TERHADAP SUAMI: SUATU TINJAUAN TERHADAP MEKANISME PENYELESAIAN MENURUT PERUNDANGAN ISLAM DAN PERANAN INSTITUSI BERKAITAN DI MALAYSIA

ECONOMIC CRISIS AS A FACTOR OF DOMESTIC VIOLENCE AGAINST HUSBANDS: A REVIEW OF RESOLUTION MECHANISMS UNDER ISLAMIC LAW AND THE ROLE OF RELEVANT INSTITUTIONS IN MALAYSIA

ⁱ Alif Aiman Kamaruzaman, ⁱ Muhammad Adam Baharin, ⁱ Hasnizam Hashim*, ⁱ Intan Nadia Ghulam Khan & ⁱ Haliza A. Shukor

ⁱ Fakulti Syariah dan Undang- undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Bandar Baru Nilai 71800 Nilai Negeri Sembilan, Malaysia

*(Corresponding author) e-mail: hasnizam@usim.edu.my

ABSTRACT

Many people assume that domestic violence occurs in a one-sided manner namely abuse by husbands against wives. However, behind this perception lies a reality that is rarely discussed. Domestic violence is not confined to one party alone. It also involves wives abusing their husbands whether physically, emotionally, or psychologically, as reported by local and international media. In the context of a world facing economic challenges including Malaysia, rising living costs, high inflation rates, and economic uncertainty have placed significant pressure on family institutions particularly on husbands' responsibilities as family leaders and primary contributors to household economic stability. This phenomenon of domestic violence against husbands receives little attention from various parties and is rarely discussed despite its occurrence. Available statistics also indicate that one of the main causes of such incidents stems from issues related to financial provision and economic stress. Therefore, this study is conducted to examine how Islam views violence perpetrated by wives against husbands as well as to explore the role of relevant institutions in addressing this issue. This study employs a qualitative method based on conceptual analysis of classical and contemporary fiqh sources, academic journals, newspaper reports, and data from relevant institutions to unravel the problem. The findings of this study are expected to open new avenues of awareness that violence against husbands is also a form of injustice that must be addressed fairly and wisely in accordance with the principles of Islamic jurisprudence (Fiqh Islam) and Maqasid al-Shariah, in order to preserve family well-being and social harmony amid the current economic climate of the country.

Keywords: *Domestic violence, husband, economic crisis, Islamic Jurisprudence, Islamic Institutions, Malaysia.*

ABSTRAK

Ramai yang menganggap bahawa keganasan rumah tangga berlaku secara satu hala, iaitu penderaan suami terhadap isteri. Namun, di sebalik tanggapan tersebut, wujud realiti yang jarang diperkatakan. Penderaan dalam rumah tangga tidak terhad kepada satu pihak sahaja, malah turut melibatkan isteri terhadap suami, sama ada dalam bentuk fizikal, emosi atau psikologi sebagaimana yang dilaporkan oleh media tempatan dan antarabangsa. Dalam konteks dunia yang sedang berdepan dengan cabaran ekonomi termasuk Malaysia iaitu peningkatan kos sara hidup, kadar inflasi yang tinggi serta ketidakpastian ekonomi telah memberi tekanan besar kepada institusi keluarga khususnya terhadap tanggungjawab suami sebagai pemimpin keluarga dan penyumbang utama kepada kestabilan ekonomi rumah. Fenomena keganasan rumah tangga terhadap suami ini kurang mendapat perhatian daripada pelbagai pihak dan kurang dibincangkan sedangkan ia berlaku. Statistik yang diperoleh juga menunjukkan bahawa antara punca utama kejadian ini berpunca daripada isu nafkah dan tekanan kewangan. Justeru, kajian ini dijalankan bagi meneliti bagaimana Islam melihat keganasan yang dilakukan oleh isteri terhadap suami serta peranan institusi berkaitan dalam mengatasi perkara ini. Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan kaedah kualitatif berasaskan analisis konseptual terhadap sumber fiqh klasik dan kontemporari, jurnal akademik, laporan akhbar serta data institusi berkaitan bagi merungkai permasalahan tersebut. Dapatan kajian ini diharapkan dapat membuka ruang kesedaran baharu bahawa keganasan terhadap suami juga merupakan satu bentuk kezaliman yang mesti ditangani secara adil dan berhemah menurut prinsip Fiqh Islam dan Maqasid al-Syariah demi memelihara kesejahteraan keluarga serta keharmonian masyarakat dalam suasana ekonomi semasa negara.

Kata kunci: Keganasan rumah tangga, suami, krisis ekonomi, Fiqh Islam, Institusi Islam, Malaysia

Pengenalan

Isu keganasan rumah tangga terhadap suami di Malaysia masih menjadi topik yang jarang dibincangkan secara terbuka. Dalam masyarakat, masih wujud anggapan bahawa lelaki tidak mungkin menjadi mangsa kerana mereka sering dilihat sebagai individu yang kuat, tegas dan memegang kuasa dalam rumah tangga. Persepsi seperti ini menyebabkan ramai suami yang sebenarnya mengalami penderaan memilih untuk berdiam diri. Mereka bukan tidak mahu mendapatkan bantuan, tetapi stigma sosial membuatkan mereka takut dipandang lemah dan gagal menjalankan peranan sebagai ketua keluarga.

Perubahan dan tekanan ekonomi dalam beberapa tahun kebelakangan ini turut memberi kesan besar kepada hubungan keluarga. Kehilangan pekerjaan, beban kewangan dan kenaikan kos sara hidup menjadikan sebahagian suami terdedah kepada konflik rumah tangga yang lebih tegang sehingga ada yang mengalami penderaan dalam bentuk fizikal, emosi, mental dan kewangan. Namun ramai yang memilih untuk menyembunyikan penderitaan tersebut kerana tidak mahu memalukan diri atau keluarga.

Firman Allah S.W.T:

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً ۚ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ

Maksudnya: “Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaannya dan rahmatNya, bahawa Ia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikanNya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir” (Al-Quran. Surah al-Rum:21).

Data yang dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia menunjukkan bahawa fenomena ini bukan sesuatu yang terpencil. Pada tahun 2022, sebanyak 1778 kes telah direkodkan. Pada tahun berikutnya jumlah ini menurun kepada 1213 kes. Walau bagaimanapun, angka tersebut meningkat semula kepada 1865 kes pada tahun 2024. Bagi tempoh sehingga bulan Julai tahun 2025 sahaja, sudah terdapat 1183 kes yang dilaporkan. Secara purata, hampir dua ribu suami menjadi mangsa setiap tahun. Jika dibandingkan dengan kira-kira dua ratus ribu perkahwinan yang didaftarkan setiap tahun, angka ini mewakili satu peratus daripada keseluruhan perkahwinan (Fahmy A. Rosli, 2025).

Walaupun peratusannya kelihatan kecil, hakikatnya jumlah tersebut menunjukkan bahawa keganasan rumah tangga terhadap suami benar-benar wujud dan memberi kesan kepada banyak keluarga. Ia bukan sekadar isu dalam ruang peribadi suami isteri, tetapi berkait rapat dengan kesejahteraan emosi, kedudukan sosial serta keadilan dalam keluarga Muslim. Islam menegaskan bahawa setiap bentuk kezaliman perlu dicegah tanpa mengira jantina. Justeru kajian terhadap isu ini sangat penting untuk membuka mata masyarakat dan memastikan bahawa semua pihak termasuk suami yang menjadi mangsa mendapat perhatian dan pembelaan yang sepatutnya. Dalam artikel ini, penyelidik akan membincangkan tentang bagaimana krisis ekonomi merupakan salah satu faktor yang menyumbang kepada berlakunya keganasan rumah tangga terhadap suami.

Definisi Krisis Ekonomi

Menurut Kamus Dewan Bahasa Dan Pustaka (DBP) edisi keempat, krisis ekonomi ditakrifkan sebagai keadaan ekonomi yang tidak stabil dan menyebabkan kehidupan menjadi sukar. Dalam konteks Malaysia, krisis ekonomi sering dikaitkan dengan ketidakseimbangan kewangan yang berlaku apabila terdapat gangguan besar dalam sistem ekonomi sehingga menjejaskan kestabilan pasaran, aktiviti kredit dan aliran modal. Krisis ekonomi dalam konteks negara merujuk kepada beberapa pengertian antaranya keadaan ekonomi yang menunjukkan simptom seperti pertumbuhan kredit berlebihan, kenaikan harga aset secara mendadak, pelaburan yang melebihi keperluan sebenar serta ketidakseimbangan fiskal dan akaun semasa (Bank Negara Malaysia, 2020).

Bank Negara Malaysia (BNM) menyatakan bahawa ketidakseimbangan ini akhirnya boleh mencetuskan pelarasan ekonomi yang menggugat kestabilan makroekonomi negara apabila tidak dibendung lebih awal. Menurut BNM, krisis ekonomi lazimnya berlaku apabila perubahan dalam tingkah laku pengambilan risiko dan penyalahgunaan sumber kewangan menyebabkan tekanan terhadap sistem kewangan yang seterusnya membawa kepada gangguan ekonomi yang lebih besar. BNM turut menegaskan bahawa fenomena ini sudah lama diakui sebagai pencetus kepada krisis kewangan dan kemelesetan ekonomi di banyak negara apabila ketidakseimbangan kewangan dibiarkan berkembang sehingga membentuk tekanan sistemik yang tidak lagi mampan (Bank Negara Malaysia, 2020).


Keganasan Rumah Tangga

Berdasarkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) keganasan rumah tangga didefinisikan sebagai serangan yang dikenakan oleh seseorang ke atas orang lain seperti isteri atau suami atau bekas isteri atau suaminya atau kanak-kanak atau orang dewasa tidak berkeupayaan atau mana-mana anggota keluarga lain. KKM juga menyatakan bahawa keganasan atau perbuatan ‘ganas’ merangkumi kesengsaraan dan penderitaan secara fizikal, seksual, kewangan, emosi atau psikologi (KKM, 2021). Undang-undang berkaitan keganasan rumah tangga di Malaysia mengiktiraf bahawa penderaan boleh berlaku kepada mana-mana ahli keluarga tanpa mengira jantina. Penderaan boleh berbentuk tindakan yang mencederakan, mengugut, memperlekehkan, mengawal secara melampau atau menafikan keperluan asas pasangan. Ia bukan sekadar perbuatan fizikal, tetapi juga meliputi bentuk psikologi yang membawa ketakutan, tekanan dan gangguan emosi terhadap mangsa (KKM, 2021).

Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (Akta 521) turut menegaskan bahawa, suami tidak terkecuali daripada menjadi mangsa kepada keganasan rumah tangga sama seperti isteri. Akta yang sama tidak lagi menggunakan bahasa yang membezakan mangsa berdasarkan jantina. Akta ini juga mentakrifkan mangsa sebagai mana-mana pasangan atau ahli keluarga yang mengalami kecederaan fizikal, penderaan emosi, mental, psikologi, seksual, kewangan ataupun ugutan yang boleh mendatangkan mudarat (Akta Keganasan Rumah Tangga 1994).

Berdasarkan Akta ini, dapat difahami dan disimpulkan bahawa, jika seorang suami mengalami perbuatan seperti dipukul, dihina, dikawal secara melampau, ditekan secara emosi, diugut atau dinafikan hak-haknya, suami tersebut berhak untuk mendapatkan perlindungan yang sama seperti mana-mana mangsa lain. Suami boleh membuat laporan polis, mendapatkan Perintah Perlindungan Interim, memohon Perintah Perlindungan penuh dan isteri yang melakukan penderaan boleh dikenakan tindakan jenayah di bawah Kanun Keseksaan. Hal ini membuktikan bahawa dari sudut undang-undang negara, suami bukan sahaja boleh menjadi mangsa, tetapi diberikan ruang dan mekanisme perundangan yang jelas untuk mendapatkan keadilan (Akta Keganasan Rumah Tangga 1994).

Jumlah Kes Cerai Dalam Tempoh 9 bulan pada Tahun 2025



Sumber: Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia

Berdasarkan statistik perceraian di Malaysia yang dilaporkan dalam tempoh 9 bulan bagi tahun 2025 oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), terdapat banyak faktor yang menyebabkan berlakunya keganasan rumah tangga. Secara umumnya, punca-punca krisis rumah tangga dapat dibahagikan kepada dua kategori, iaitu faktor dalaman dan faktor luaran (Siti Zulaikha Mohd Noor, 1989) seperti kelonggaran pegangan agama, penglibatan orang ketiga, poligami, pengabaian nafkah dan tanggungjawab (krisis ekonomi) serta penganiayaan dan keganasan rumah tangga.

Menurut Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), statistik perceraian yang direkodkan sepanjang sembilan bulan pertama tahun 2025 menunjukkan bahawa sebanyak 53,245 pasangan Islam telah bercerai di seluruh Malaysia. Data ini mencerminkan cabaran serius yang dihadapi oleh institusi perkahwinan Islam serta menuntut perhatian berterusan daripada pihak berautoriti dan institusi berkaitan.

Analisis mengikut negeri menunjukkan bahawa Selangor mencatatkan jumlah perceraian tertinggi dengan 10,774 kes, diikuti oleh Johor (6,078 kes) dan Kedah (4,582 kes). Negeri-negeri lain seperti Perak (3,908 kes), Kelantan (3,820 kes), Sabah (3,810 kes) dan Pahang (3,767 kes) turut merekodkan angka yang signifikan, sekali gus menunjukkan bahawa isu perceraian berlaku secara meluas merentasi zon geografi dan sosio-ekonomi yang berbeza.

Sementara itu, Terengganu mencatatkan sebanyak 3,647 kes, diikuti oleh Wilayah Persekutuan (3,397 kes), Negeri Sembilan (2,679 kes) dan Sarawak (2,233 kes). Negeri-negeri seperti Pulau Pinang (2,026 kes) dan Melaka (1,793 kes) merekodkan jumlah yang lebih sederhana, manakala Perlis mencatatkan jumlah terendah iaitu 731 kes. Variasi jumlah kes antara negeri-negeri ini menunjukkan kewujudan faktor setempat yang mempengaruhi kestabilan rumah tangga, termasuk tekanan ekonomi, persekitaran bandar, tahap literasi undang-undang keluarga Islam serta keberkesanan mekanisme intervensi awal.

Walaupun terdapat banyak faktor yang menyebabkan berlakunya kes perceraian di Malaysia, krisis ekonomi merupakan salah satu faktor utama yang menyumbang kepada keganasan isteri terhadap suami yang berpunca daripada masalah ekonomi yang dihadapi oleh mereka. Umum sedia maklum, pasca covid-19 memberi impak negatif terhadap ekonomi dunia yang melanda termasuk Malaysia. Antara impak langsung ialah terhadap kestabilan kewangan isi rumah iaitu tekanan kewangan dan kehilangan pekerjaan menjadi punca utama yang memungkinkan berlakunya keganasan rumah tangga. Keadaan ini menyebabkan beban kewangan yang tinggi, serta ketidakmampuan suami atau isteri menanggung keperluan keluarga yang akhirnya meningkatkan stres dan emosi negatif yang tidak terkawal (Shukor et al., 2024). Malah, kenaikan kos sara hidup serta hutang isi rumah yang semakin meningkat turut menyumbang kepada tekanan kewangan yang amat berat, seterusnya memuncakkan ketegangan dalam rumah tangga dan mewujudkan situasi yang sangat rapuh untuk berlaku keganasan (Shukor et al., 2024).

Krisis yang berlaku berkaitan kewangan dalam rumah tangga mewujudkan ketidakseimbangan peranan dalam keluarga sekaligus berpotensi dalam mencetuskan keganasan. Umum sedia maklum berdasarkan kebiasaan berumah tangga, suami memainkan peranan penting dalam nafkah zahir dan batin meliputi soal makan, minum, pakaian, pendidikan, kesihatan, tempat tinggal dan keperluan-keperluan asas yang lain yang perlu disediakan berdasarkan kemampuan seorang suami. Hal ini sesuai dengan Firman Allah yang bermaksud: *“Dan kewajiban bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu itu menurut cara yang sepatutnya. Tidakkah diberatkan seseorang melainkan menurut kemampuannya”* (Surah al-Baqarah, 2:233).

Sekiranya pasangan tidak dapat memenuhi tanggungjawab masing-masing sama ada dari segi ekonomi mahupun peranan sosial, ia mampu menimbulkan rasa tidak puas hati, kemarahan dan akhirnya, berlaku keganasan fizikal atau psikologi sebagai reaksi (Shukor et al., 2024). Tambahan pula, konflik komunikasi dan emosi yang tercetus atau yang berlaku menyebabkan wujud jurang komunikasi disebabkan tekanan kewangan yang memburukkan lagi keadaan. Apabila pasangan tidak mampu menyampaikan perasaan dengan baik mahupun menyelesaikan masalah secara berkesan ia akan menyebabkan berlakunya pertengkaran yang berlarutan sekaligus meningkatkan risiko keganasan rumah tangga (Shukor et al., 2024).

Tekanan kewangan yang dihadapi dalam sesebuah keluarga bukan sahaja memberi kesan kepada pasangan suami isteri, malah turut melibatkan kesejahteraan keluarga besar serta anak-anak. Keadaan ini jelas menjejaskan kepuasan dalam perkahwinan bagi kedua-dua pasangan, sebagaimana yang dibuktikan oleh kajian Daniel S. Hubler et al. (2016). Dapatan tersebut disokong oleh Muzdalifah Zulkarnain dan Zaimah Ramli (2020) yang menegaskan bahawa aspek kewangan merupakan medium penting dalam menentukan kepuasan dan kualiti hidup sesebuah keluarga. Justeru, isu-isu kewangan

yang timbul sering menjadi punca utama perselisihan dalam hubungan peribadi, perkahwinan, dan keluarga.

Kajian oleh Brandan E. Wheeler pula mendapati bahawa kesukaran ekonomi mempunyai hubungan yang signifikan dengan kualiti perkahwinan serta tingkah laku pasangan. Hal ini secara langsung memberi kesan terhadap kesejahteraan hidup keluarga. Analisis deskriptif dalam kajian tersebut menunjukkan bahawa seramai 335 pasangan mengalami tekanan dan kesukaran ekonomi yang rendah pada tahun 2009 dan 2010, namun masih mengekalkan tahap kualiti perkahwinan yang agak tinggi bagi tempoh 2009 hingga 2011 (Brandan E. Wheeler et al., 2019).

Dapatan ini selari dengan kajian Sunarti et al. (2005) yang menegaskan bahawa tekanan ekonomi keluarga sememangnya berkait rapat dengan kualiti sesebuah perkahwinan. Rumah tangga akan lebih bahagia apabila kewangan mencukupi kerana keperluan semasa keluarga dapat dipenuhi dengan baik. Dalam konteks ini, status sosio-ekonomi keluarga turut mempengaruhi kepuasan dan kestabilan rumah tangga (Conger & Martin, 2010). Kajian oleh Ahmad Hariri Mohd Saat dan Raihanah Azahari (2021) turut menyokong dapatan tersebut dengan merumuskan bahawa pasangan dengan status sosio-ekonomi yang lebih tinggi cenderung memiliki perkahwinan yang lebih stabil berbanding pasangan berstatus sosio-ekonomi rendah.

Dalam kes NEBS *lwn* MRBW 2022 yang diputuskan di Mahkamah Rendah Syariah Petaling pula membuktikan bahawa ekonomi adalah faktor kepada perceraian sekaligus menjejaskan kesejahteraan hidup. Dalam kes ini, plaintif merupakan isteri kepada defendan bernikah pada 27 Ogos 2018 dan dikurniakan seorang anak perempuan. Plaintif bekerja sebagai peniaga yang berpendapatan RM1500 sebulan manakala defendan pula bekerja sebagai tukang mengecat kereta dengan pendapatan RM2500 sebulan. Plaintif menfailkan kes perceraian ini disebabkan oleh masalah kewangan yang serius dihadapi oleh mereka dalam masa yang sama mereka sudah tidak ada persefahaman dalam menyelesaikan isu yang berlaku. Disebabkan oleh alasan yang dikemukakan ini, maka terbubarlah perkahwinan mereka yang hanya bertahan kurang daripada 5 tahun iaitu 3 tahun 8 bulan sahaja.

Dalam konteks krisis ekonomi, penyelidik menyimpulkan bahawa tekanan kewangan yang berpanjangan bukan sahaja mencetuskan konflik rumah tangga, malah boleh membawa kepada keganasan rumah tangga terhadap suami. Hal ini berlaku apabila isteri yang terbeban dengan masalah kewangan melampiaskan tekanan emosi melalui tindakan agresif terhadap suami. Fenomena ini menunjukkan bahawa ketidakstabilan ekonomi bukan sekadar menjejaskan keharmonian rumah tangga, tetapi juga berpotensi mengubah dinamika kuasa dalam keluarga sehingga menimbulkan penderaan terhadap suami. Oleh itu, jelas bahawa kestabilan ekonomi memainkan peranan penting dalam menjamin kesejahteraan, kepuasan dan keselamatan dalam sesebuah perkahwinan.

Fahmy A. Rosli (2025) dalam Berita Harian melaporkan bahawa sebanyak 1,183 kes keganasan rumah tangga melibatkan mangsa lelaki (suami) telah direkodkan oleh PDRM bagi tempoh Januari hingga Julai 2025. Angka ini menunjukkan bahawa suami turut menjadi mangsa keganasan rumah tangga, suatu isu yang sering terpinggir dalam wacana masyarakat dan sistem pelaporan rasmi.

Jika diteliti *trend* terdahulu, kes keganasan terhadap suami menunjukkan pola yang berubah-ubah. Sebanyak 1,778 kes dilaporkan pada tahun 2022. Pada tahun 2023, kes yang dilaporkan menurun kepada sebanyak 1,213 kes manakala meningkat semula kepada 1,865 kes pada tahun 2024. Statistik bagi separuh pertama tahun 2025 yang mencatatkan 1,183 kes jelas membuktikan bahawa isu ini masih berlaku dan tidak boleh dipisahkan bahawa salah satu puncanya adalah daripada faktor tekanan ekonomi sesebuah keluarga (Fahmy A. Rosli, 2025). Situasi ini memperlihatkan bahawa hampir satu

pertiga mangsa adalah suami, dan fenomena ini semakin ketara apabila dikaitkan dengan krisis ekonomi yang menekan isi rumah. Kehilangan pekerjaan, peningkatan kos sara hidup, dan beban hutang menjadi pencetus utama kepada konflik domestik. Lelaki sebagai ketua keluarga sering dipertanggungjawabkan terhadap kestabilan ekonomi rumah tangga, dan apabila gagal memenuhi harapan tersebut, mereka berisiko menjadi sasaran penderaan fizikal mahupun emosi daripada pasangan (Tetitia Yusoff, 2025).

Dalam konteks ini, krisis ekonomi bertindak sebagai faktor struktural yang memperburuk ketegangan rumah tangga. Tekanan kewangan bukan sahaja menjejaskan kesejahteraan psikologi lelaki, tetapi juga meningkatkan kerentanan mereka terhadap keganasan domestik. Oleh itu, isu keganasan rumah tangga terhadap suami perlu dilihat bukan sekadar sebagai masalah interpersonal, tetapi sebagai refleksi kepada ketidakstabilan ekonomi yang melanda masyarakat.

Kerajaan Malaysia melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah melaksanakan Program Lelaki Budiman Negara bagi memperkasakan peranan lelaki dalam keluarga. Walaupun program ini berjaya meningkatkan pengetahuan dan perubahan tingkah laku positif dalam kalangan peserta, cabaran besar tetap wujud apabila krisis ekonomi terus menekan isi rumah. Tanpa sokongan ekonomi yang kukuh, usaha intervensi sosial semata-mata tidak mencukupi untuk menangani punca sebenar konflik domestik (The Star, 2025).

Selain itu, kekurangan tempat perlindungan khusus untuk mangsa lelaki serta stigma sosial yang menghalang mereka daripada melaporkan penderaan menambah lagi kerumitan. Justeru, penyelesaian terhadap isu ini memerlukan pendekatan holistik yang bukan sahaja menyediakan sokongan psikososial, tetapi juga menangani akar umbi masalah ekonomi yang menjadi pencetus utama kepada keganasan rumah tangga terhadap suami (Fahmy A. Rosli, 2025).

Mekanisme bagi Menangani Keganasan Rumah Tangga Terhadap Suami

Secara umumnya, kesejahteraan rumah tangga banyak bergantung kepada kestabilan ekonomi yang mereka capai. Kedudukan kewangan yang kukuh bukan sahaja membantu mengurangkan tekanan hidup, malah turut meringankan konflik rumah tangga apabila suami dan isteri berusaha menguruskan perbelanjaan dengan sikap terbuka, positif serta melalui perbincangan bersama dalam menangani masalah kewangan yang timbul. Secara ringkas, penyelesaian krisis rumah tangga boleh diuraikan melalui beberapa peringkat utama yang akan diperincikan selepas ini.

Peringkat Pertama

Peringkat awal dalam penyelesaian krisis rumah tangga menekankan aspek pencegahan sebelum berlakunya konflik, khususnya dalam menghadapi tekanan ekonomi yang berpotensi mencetuskan keganasan terhadap suami (Zaleha Kamaruddin, 1997). Fokus utama pada tahap ini ialah pengajaran dan pendidikan yang berfungsi sebagai panduan kepada pasangan yang bakal mendirikan rumah tangga. Melalui pendedahan kepada ilmu pengetahuan serta kemahiran hidup berumah tangga, pasangan dipersiapkan untuk menghadapi cabaran termasuk kesan krisis ekonomi. Bentuk pendidikan ini dilaksanakan melalui kursus pra-perkahwinan serta khutbah nikah yang dianjurkan menurut ajaran Islam, sekali gus menjadi mekanisme awal dalam mencegah berlakunya keganasan rumah tangga akibat tekanan ekonomi.

Kursus Pra Perkahwinan (Hak dan Tanggungjawab Ekonomi Suami Isteri)

Pada peringkat awal perkahwinan, salah satu mekanisme pencegahan terhadap krisis rumah tangga yang berpotensi timbul akibat tekanan ekonomi ialah melalui kursus pra-perkahwinan. Kursus ini berfungsi

hak dan tanggungjawab ekonomi suami isteri. Dalam Islam, suami mempunyai kewajipan utama untuk menyediakan nafkah kepada isteri dan anak-anak, merangkumi makanan, pakaian, tempat tinggal, dan keperluan asas lain mengikut kemampuan. Nafkah ini bukan sekadar tanggungjawab moral, tetapi juga kewajipan syarak yang boleh dituntut melalui undang-undang jika diabaikan. Isteri pula digalakkan untuk membantu dalam pengurusan kewangan keluarga, sama ada melalui sokongan moral, disiplin berbelanja, atau menyumbang pendapatan tambahan jika diperlukan, namun ia bukan kewajipan mutlak. Pendedahan awal ini bukan sahaja membantu pasangan memahami asas rumah tangga, tetapi juga bertujuan mengurangkan risiko konflik dan keganasan yang mungkin berlaku selepas berkahwin (Jabatan Agama Islam Selangor, 2008). Kursus pra-perkahwinan telah diwajibkan kepada semua pasangan yang ingin berkahwin sejak tahun 1997, kecuali di negeri Sarawak yang masih belum melaksanakannya sepenuhnya.

Konsep *Dual Income*

Salah satu mekanisme penting dalam menjamin kesejahteraan rumah tangga ialah melalui pendapatan stabil hasil daripada suami dan isteri atau konsep *dual-income* (Craig, 2020). Selain itu, tahap literasi kewangan yang tinggi dalam kalangan pasangan muda turut memainkan peranan besar kerana ia berkait rapat dengan kestabilan ekonomi dan kesejahteraan hidup (Lusardi et al., 2014). Pasangan yang memiliki pengetahuan dalam pengurusan kewangan, pelaburan serta perancangan jangka panjang lebih berupaya mencapai matlamat kewangan mereka, sekali gus mengurangkan tekanan ekonomi yang boleh mencetuskan konflik rumah tangga. Kajian lain turut menegaskan bahawa literasi kewangan yang baik dalam kalangan pasangan muda merupakan faktor penting bagi meningkatkan kualiti hidup dan mengelakkan masalah kewangan (Nuriman et al., 2023). Sebaliknya, kegagalan pasangan muda dalam menguruskan kewangan, khususnya pada peringkat awal perkahwinan di bawah lima tahun, berpotensi menimbulkan keretakan rumah tangga yang akhirnya boleh membawa kepada perceraian. Dalam konteks krisis ekonomi, mekanisme ini menunjukkan bahawa kestabilan pendapatan dan literasi kewangan adalah langkah pencegahan yang signifikan bagi mengurangkan risiko keganasan rumah tangga terhadap suami.

Sokongan Ekonomi dan Pekerjaan

Kajian menunjukkan bahawa mangsa keganasan rumah tangga lazimnya terdiri daripada individu yang tidak mempunyai sumber pendapatan dan bergantung sepenuhnya kepada pasangan yang melakukan penderaan. Kebergantungan ekonomi ini secara konsisten dikenal pasti sebagai halangan utama bagi mangsa untuk keluar daripada hubungan yang ganas (Adams, 2011, Barnett, 2000, Fawole, 2008, Kim & Gray, 2008). Terdapat juga mangsa yang tidak mempunyai pekerjaan tetap bagi menjamin kelestarian kewangan keluarga, manakala sebahagian yang bekerja pula memperoleh pendapatan yang tidak mencukupi untuk menampung keperluan hidup. Dapatan kajian turut mengesahkan bahawa penderaan ekonomi merupakan isu signifikan yang melibatkan semua profil demografi, bukan hanya wanita, bukan terbatas kepada etnik tertentu, dan bukan semata-mata berlaku kepada individu berpendapatan rendah (White & Fjellner, 2022). Malah, faktor seperti kemiskinan, diskriminasi, marginalisasi, tahap pendidikan yang rendah serta peluang pekerjaan yang terhad dikenal pasti sebagai pencetus tambahan kepada penderaan kewangan terhadap mangsa (White & Fjellner, 2022). Dalam konteks krisis ekonomi yang boleh mencetuskan keganasan terhadap suami, mekanisme penyelesaian perlu memberi perhatian kepada aspek sokongan ekonomi, peluang pekerjaan dan pendidikan kewangan agar pasangan tidak terjerumus dalam kebergantungan yang akhirnya memperburuk konflik rumah tangga.

Peringkat Kedua

Peringkat kedua dalam isu ini, khususnya apabila tekanan ekonomi mula menjejaskan keharmonian sehingga mencetuskan keganasan terhadap suami, memberi tumpuan kepada kaedah rawatan bagi memperbaiki keadaan rumah tangga yang telah tergugat (Zaleha Kamaruddin, 1997). Pada tahap ini, pasangan dibimbing melalui nasihat serta peringatan mengenai hak dan tanggungjawab suami isteri yang sering terabai akibat bebanan ekonomi. Mekanisme penyelesaian di peringkat ini terbahagi kepada dua bentuk utama, iaitu penyelesaian yang dapat dilakukan secara langsung antara suami dan isteri, serta penyelesaian yang memerlukan penglibatan pihak ketiga sebagai orang tengah, termasuk institusi berkaitan yang berperanan mendamaikan pasangan.

Penyelesaian Menggunakan Institusi Berkaitan

Penyelesaian krisis rumah tangga melalui orang tengah biasanya diperlukan apabila konflik telah berlarutan sehingga pasangan tidak lagi mampu mengawal emosi masing-masing. Dalam keadaan sebegini, aduan boleh dikemukakan ke mahkamah, dan pihak mahkamah akan melantik wakil untuk berbincang serta mencari jalan terbaik bagi mendamaikan pasangan (Zaleha Kamaruddin, 2001). Peranan orang tengah atau pendamai amat penting kerana mereka bertindak sebagai fasilitator dalam membantu suami dan isteri mencapai penyelesaian yang adil. Dalam konteks krisis ekonomi yang berpotensi mencetuskan keganasan terhadap suami, mekanisme ini menjadi signifikan kerana ia melibatkan campur tangan institusi seperti Mahkamah Syariah dan badan kaunseling keluarga yang berfungsi memastikan konflik dapat ditangani secara sistematik dan selaras dengan prinsip perundangan Islam.

Firman Allah S.W.T:

وَإِنْ خِفْتُمْ شِقَاقَ بَيْنِهِمَا فَابْعَثُوا حَكَمًا مِنْ أَهْلِهِ وَحَكَمًا مِنْ أَهْلِهَا إِنْ يُرِيدَا إِصْلَاحًا يُوَفِّقِ اللَّهُ بَيْنَهُمَا إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا خَبِيرًا

Maksudnya, *"Dan jika kamu bimbangkan perpecahan antara mereka berdua (suami isteri), maka lantiklah "orang tengah" (untuk mendamaikan mereka), seorang daripada keluarga lelaki dan seorang daripada keluarga perempuan"* (al-Quran. Surah Al-Nisa': 35).

Orang tengah dalam penyelesaian krisis rumah tangga lazimnya dipilih daripada kalangan saudara mara terdekat sama ada di pihak suami atau isteri. Namun demikian, tidak menjadi kesalahan sekiranya individu yang dilantik itu terdiri daripada saudara mara yang lebih jauh, asalkan tujuan utama mereka adalah untuk mendamaikan pasangan serta mengelakkan rumah tangga daripada berakhir dengan perpisahan (Abu Hasan Din al-Hafiz, 1983).

Jawatankuasa Pendamai

Menurut Seksyen 47 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 (Akta 303), Mahkamah diberi kuasa untuk melantik Jawatankuasa Pendamai sekiranya terdapat kemungkinan pasangan yang berkonflik dapat diperdamaikan. Berdasarkan subseksyen 47(5), jawatankuasa ini boleh terdiri daripada seorang Pegawai Agama bersama wakil bagi pihak isteri dan wakil bagi pihak suami, dengan keutamaan diberikan kepada saudara mara terdekat kedua-dua pihak. Dalam proses ini, Mahkamah berperanan memberikan arahan tentang perjalanan perdamaian, dan jawatankuasa hendaklah mematuhi arahan tersebut. Sekiranya perdamaian gagal dicapai atau

Mahkamah tidak berpuas hati dengan usaha jawatankuasa, Mahkamah mempunyai kuasa untuk membubarkan jawatankuasa tersebut dan melantik jawatankuasa baharu. Mekanisme ini menunjukkan bahawa dalam situasi krisis rumah tangga yang serius, termasuk yang berpunca daripada tekanan ekonomi sehingga mencetuskan keganasan terhadap suami, peranan Mahkamah dan Jawatankuasa Pendamai amat penting sebagai saluran rasmi untuk mencari penyelesaian yang adil dan selaras dengan prinsip syarak.

Perundangan Malaysia

Dalam konteks krisis ekonomi yang menjadi pencetus kepada keganasan rumah tangga terhadap suami, mekanisme penyelesaian menurut perundangan Islam di Malaysia berlandaskan kepada Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri-Negeri. Undang-undang ini terpakai kepada orang Islam di bawah bidang kuasa negeri dan dilaksanakan melalui Mahkamah Syariah sebagaimana diperuntukkan dalam Jadual Kesembilan Senarai 2 (Senarai Negeri) Perlembagaan Persekutuan. Setiap negeri menggubal enakmen tersendiri berpandukan draf undang-undang keluarga Islam yang disediakan di peringkat Persekutuan (Norainan Bahari, 2019). Walaupun terdapat perbezaan antara negeri serta beberapa siri pindaan yang dilakukan, keseluruhan undang-undang ini tetap berpaksikan al-Quran dan as-Sunnah serta tidak bercanggah dengan hukum syarak, sekali gus menjadi asas penting dalam menangani isu keganasan rumah tangga akibat tekanan ekonomi.

Penggubalan undang-undang keluarga Islam bertujuan mengatur hubungan kekeluargaan yang meliputi aspek perkahwinan, perceraian, pewarisan, penjagaan anak, nasab serta kesahtarafan, berlandaskan prinsip keadilan, ihsan dan kesaksamaan (Dina Imam et al., 2024). Perundangan ini memainkan peranan penting dalam membentuk kehidupan masyarakat serta mewujudkan realiti sosial yang diimpikan, iaitu sebuah masyarakat yang harmoni dan sejahtera (Shamrahyu Aziz, 2022). Antara mekanisme yang terkandung dalam undang-undang keluarga Islam termasuklah perlindungan daripada keganasan rumah tangga, hak bagi pasangan untuk menuntut perceraian sama ada suami atau isteri, serta kemudahan memohon perceraian melalui fasakh.

Dalam kerangka undang-undang sivil Malaysia, penyelesaian krisis rumah tangga termasuk perlindungan terhadap mangsa lelaki berasaskan Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (Akta 521). Akta ini digubal untuk memberikan perlindungan menyeluruh kepada semua mangsa tanpa diskriminasi jantina. Keganasan rumah tangga ditakrifkan sebagai kesalahan jenayah boleh tangkap, sekali gus membolehkan pihak berkuasa bertindak segera terhadap pelaku. Mekanisme perlindungan yang disediakan merangkumi perintah perlindungan, siasatan polis, bantuan kebajikan, penempatan sementara, serta sokongan kaunseling dan kewangan yang dilaksanakan secara sistematik melalui kerjasama agensi kerajaan (KPWKM, 2023).

Akta ini mengiktiraf bahawa suami atau bekas suami juga berhak mendapat perlindungan undang-undang. Berdasarkan garis panduan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM), mangsa lelaki boleh memohon tiga bentuk perintah perlindungan, iaitu *Emergency Protection Order* (EPO), *Interim Protection Order* (IPO), dan *Protection Order* (PO).

Emergency Protection Order (EPO) boleh dipohon oleh mangsa yang berada dalam keadaan bahaya tanpa memerlukan laporan polis. Perintah ini dikeluarkan oleh Pegawai Kebajikan Masyarakat dalam tempoh dua jam selepas permohonan dibuat dan berkuat kuasa selama tujuh hari. EPO bertujuan menghentikan keganasan serta melarang pelaku daripada mendekati mangsa atau menghasut pihak lain untuk melakukan keganasan (KPWKM, 2023).

Interim Protection Order (IPO) pula merupakan perintah perlindungan sementara yang hanya boleh dikeluarkan oleh mahkamah ketika siasatan polis sedang dijalankan. Permohonan IPO boleh dibuat oleh mangsa sendiri, peguam, pegawai kebajikan masyarakat atau pegawai polis. IPO melarang pelaku daripada hadir di rumah, tempat kerja atau lokasi lain yang berkaitan dengan mangsa, dan boleh memberikan hak penghunian eksklusif kepada mangsa lelaki di kediaman bersama walaupun rumah tersebut didaftarkan atas nama pelaku.

Selepas siasatan selesai dan pertuduhan difailkan, mangsa boleh memohon Protection Order (PO). Perintah ini berkuat kuasa selama 12 bulan dan boleh dilanjutkan sekali lagi untuk tempoh yang sama, bertujuan memberikan perlindungan jangka panjang kepada mangsa lelaki (KPWKM, 2023).

Dalam pelaksanaan akta ini, Polis Diraja Malaysia (PDRM) berperanan menerima aduan, menjalankan siasatan, membantu mangsa memfailkan IPO dan PO, serta menangkap pelaku tanpa waran kerana keganasan rumah tangga dikategorikan sebagai kesalahan boleh tangkap. Polis juga bertanggungjawab menyampaikan perintah perlindungan kepada pelaku dalam tempoh ditetapkan dan memastikan rekod penyampaian difailkan di mahkamah serta dimaklumkan kepada mangsa.

Sementara itu, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) berfungsi sebagai pegawai penguat kuasa di bawah Akta 521. JKM diberi kuasa mengeluarkan EPO, memfailkan permohonan IPO atau PO bagi pihak mangsa lelaki, serta menyediakan tempat perlindungan atau kediaman alternatif sekiranya mangsa berada dalam situasi tidak selamat. Selain itu, JKM turut menawarkan kaunseling, pengangkutan, rawatan perubatan, serta bantuan kewangan kepada mangsa yang terkesan secara ekonomi akibat keganasan rumah tangga. JKM juga bertanggungjawab menyelaras program pemulihan dan menyimpan rekod berkaitan permohonan serta aduan keganasan rumah tangga mengikut keperluan akta (KPWKM, 2023).

Prinsip Maqasid al-Syariah

Dalam kerangka Maqasid al-Syariah, keganasan rumah tangga terhadap suami jelas bercanggah dengan prinsip syariah yang menekankan pemeliharaan agama, maruah, dan keharmonian keluarga. Syariah bertujuan memastikan setiap Muslim berpegang teguh kepada keimanan dan ketaatan terhadap Allah SWT, sekali gus membimbing mereka untuk mematuhi petunjuk Ilahi dalam kehidupan seharian. Oleh itu, isteri Muslim dituntut untuk mentaati suami dan menghindari sebarang bentuk penderaan fizikal atau psikologi, kerana tindakan tersebut bertentangan dengan maqasid yang berasaskan kasih sayang, belas ihsan, dan penghormatan dalam hubungan perkahwinan. Hadis Rasulullah SAW yang menekankan ganjaran syurga bagi wanita yang menjaga solat, berpuasa, menutup aurat, dan mentaati suami (Hanbal, 2001). Hal ini memperlihatkan bahawa ketaatan dan penghormatan terhadap suami merupakan sebahagian daripada mekanisme penyelesaian konflik rumah tangga yang selaras dengan syariah.

Selain itu, maqasid turut menekankan kepentingan menjaga maruah manusia, termasuk maruah suami sebagai ketua keluarga. Keganasan terhadap suami bukan sahaja mencabuli hak dan kedudukan suami, tetapi juga merendahkan martabat lelaki yang seharusnya dilindungi oleh syariah. Hadis Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah, bahawa sekiranya dibenarkan sujud kepada manusia maka isteri diperintahkan untuk sujud kepada suaminya (Tirmizi, 1999) yang menunjukkan bahawa kedudukan suami yang perlu dihormati dalam kerangka rumah tangga Islam. Justeru, mekanisme penyelesaian berlandaskan Maqasid al-Syariah menuntut agar hubungan suami isteri dipelihara dengan penuh kasih sayang, penghormatan, dan perlindungan maruah, sekaligus memastikan keharmonian rumah tangga dapat dikekalkan walaupun berdepan dengan cabaran krisis ekonomi.

Kesimpulannya, pencegahan dan penanganan keganasan rumah tangga selaras dengan tujuan utama syariah, iaitu menjaga kesejahteraan manusia secara menyeluruh dari segi agama, nyawa, akal, keturunan, dan maruah. Pendekatan berasaskan Maqasid al-Syariah ini memberi panduan holistik untuk melindungi semua anggota keluarga dan memastikan kestabilan institusi rumah tangga dalam masyarakat Islam (Ahmad Bin Muhammad Husni et al., 2022).

Kesimpulan

Krisis ekonomi merupakan faktor yang signifikan dalam mencetuskan keganasan rumah tangga terhadap suami, namun mekanisme penyelesaian yang digariskan melalui pendekatan Islam dan perundangan Malaysia menyediakan rangka kerja yang menyeluruh untuk menanganinya. Kursus pra perkahwinan yang menekankan hak dan tanggungjawab ekonomi suami isteri berfungsi sebagai langkah pencegahan awal dengan memberi kefahaman tentang pengurusan kewangan keluarga, manakala konsep *dual income* pula membantu menjamin kestabilan ekonomi rumah tangga melalui perkongsian tanggungjawab kewangan antara pasangan. Di samping itu, sokongan ekonomi dan pekerjaan melalui peluang pekerjaan yang stabil serta bantuan kewangan sementara dapat mengurangkan tekanan ekonomi yang menjadi punca konflik. Mekanisme penyelesaian turut diperkukuh dengan peranan institusi berkaitan seperti Jawatankuasa Pendamai dan Mahkamah Syariah yang menyediakan saluran rasmi untuk perdamaian, serta perundangan Malaysia yang memastikan konflik ditangani secara adil melalui kuasa undang-undang. Kesemua mekanisme ini akhirnya berlandaskan kepada prinsip Maqasid al-Syariah yang menekankan penjagaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta, sekali gus memastikan penyelesaian yang dicapai bukan sahaja mengekalkan keharmonian rumah tangga tetapi juga melindungi kesejahteraan masyarakat secara keseluruhan.

Many people assume that domestic violence occurs in a one-sided manner namely abuse by husbands against wives. However, behind this perception lies a reality that is rarely discussed. Domestic violence is not confined to one party alone. It also involves wives abusing their husbands whether physically, emotionally, or psychologically, as reported by local and international media. In the context of a world facing economic challenges including Malaysia, rising living costs, high inflation rates, and economic uncertainty have placed significant pressure on family institutions particularly on husbands' responsibilities as family leaders and primary contributors to household economic stability. This phenomenon of domestic violence against husbands receives little attention from various parties and is rarely discussed despite its occurrence. Available statistics also indicate that one of the main causes of such incidents stems from issues related to financial provision and economic stress. Therefore, this study is conducted to examine how Islam views violence perpetrated by wives against husbands as well as to explore the role of relevant institutions in addressing this issue. This study employs a qualitative method based on conceptual analysis of classical and contemporary fiqh sources, academic journals, newspaper reports, and data from relevant institutions to unravel the problem. The findings of this study are expected to open new avenues of awareness that violence against husbands is also a form of injustice that must be addressed fairly and wisely in accordance with the principles of Islamic jurisprudence (Fiqh Islam) and Maqasid al-Shariah, in order to preserve family well-being and social harmony amid the current economic climate of the country.

Ramai yang menganggap bahawa keganasan rumah tangga berlaku secara satu hala, iaitu penderaan suami terhadap isteri. Namun, di sebalik tanggapan tersebut, wujud realiti yang jarang diperkatakan. Penderaan dalam rumah tangga tidak terhad kepada satu pihak sahaja, malah turut melibatkan isteri terhadap suami, sama ada dalam bentuk fizikal, emosi atau psikologi sebagaimana yang dilaporkan oleh media tempatan dan antarabangsa. Dalam konteks dunia yang sedang berdepan dengan cabaran ekonomi termasuk Malaysia iaitu peningkatan kos sara hidup, kadar inflasi yang tinggi serta ketidakpastian ekonomi telah memberi tekanan besar kepada institusi keluarga khususnya terhadap tanggungjawab suami sebagai pemimpin keluarga dan penyumbang utama kepada kestabilan ekonomi

rumah. Fenomena keganasan rumah tangga terhadap suami ini kurang mendapat perhatian daripada pelbagai pihak dan kurang dibincangkan sedangkan ia berlaku. Statistik yang diperoleh juga menunjukkan bahawa antara punca utama kejadian ini berpunca daripada isu nafkah dan tekanan kewangan. Justeru, kajian ini dijalankan bagi meneliti bagaimana Islam melihat keganasan yang dilakukan oleh isteri terhadap suami serta peranan institusi berkaitan dalam mengatasi perkara ini. Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan kaedah kualitatif berasaskan analisis konseptual terhadap sumber fiqh klasik dan kontemporari, jurnal akademik, laporan akhbar serta data institusi berkaitan bagi merungkai permasalahan tersebut. Dapatan kajian ini diharapkan dapat membuka ruang kesedaran baharu bahawa keganasan terhadap suami juga merupakan satu bentuk kezaliman yang mesti ditangani secara adil dan berhemah menurut prinsip Fiqh Islam dan Maqasid al-Syariah demi memelihara kesejahteraan keluarga serta keharmonian masyarakat dalam suasana ekonomi semasa negara

Rujukan

- Abd Manaf, A. R., Mat Saad, Z., Othman, S. Z., Mohd Noor, A. A., & Awang, F. (2022). Keganasan rumah tangga dan isu kewangan: Perspektif pengamal. *International Journal of Social Policy and Society (IJSPS)*.
- Abu Hasan Din al-Hafiz. (1983). *Krisis rumah tangga: Sebab-sebab dan cara untuk mengatasinya* (Kertas kerja). Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan.
- Adams, A. E. (2011). Measuring the effects of domestic violence on women's financial wellbeing. *CFS Research Brief*, 1–6.
- Ahmad Hariri Mohd Saat, & Raihanah Azahari. (2022). Kesejahteraan keluarga menurut perspektif Islam: Kajian kualitatif. *Jurnal Syariah*, 29(3), 481–508.
- Akta Keganasan Rumah Tangga (Pindaan) 2017 [Akta A1538]. (2017). Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
[https://www.jkm.gov.my/portalassets/jkm/documents/Akta%20Keganasan%20Rumah%20Tangga%20\(Pindaan\)%202017%20\[Akta%20A1538\].pdf](https://www.jkm.gov.my/portalassets/jkm/documents/Akta%20Keganasan%20Rumah%20Tangga%20(Pindaan)%202017%20[Akta%20A1538].pdf)
- Al-Khin, M., al-Bugha, M., & al-Sharbajiyy, 'A. (2000). *Al-fiqh al-manhajiy 'alā madhhab al-Imām al-Shāfi'ī* (Vol. 2). Dār al-Qalam.
- Al-Qur'ān al-Karīm.
- Astro Awani. (2018). *Keganasan rumah tangga: Wanita makin ganas atau lelaki makin lemah?*
<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/keganasan-rumah-tangga-wanita-makin-ganas-atau-lelaki-makin-lemah-201882>
- Bank Negara Malaysia. (2010). *Ketidakseimbangan kewangan dan tindak balas dasar monetari: Rencana* (CP03_001_Rencana).
https://www.bnm.gov.my/documents/20124/830710/cp03_001_rencana.pdf
- Barnett, O. W. (2000). Why battered women do not leave, part 1: External inhibiting factors within society. *Trauma, Violence, & Abuse*, 1(4), 343–372.
- Conger, R. D., Conger, K. J., & Martin, M. J. (2010). Socioeconomic status, family processes, and individual development. *Journal of Marriage and Family*, 72, 685–704.
- Craig, L., & Churchill, B. (2020). Dual-earner parent couples' work and care during COVID-19. *Gender, Work & Organization*, 28, 66–79.
- Dina Imam Supaat, Abidah Abdul Ghafar, & Nurfadhilah Che Amani. (2024). Kerentanan dan perlindungan undang-undang: Meneroka undang-undang keluarga Islam di Malaysia. *Kanun: Jurnal Undang-Undang Malaysia*, 36(2), 181–212.
- Fahmy A. Rosli. (2025, October 30). *1,183 kes keganasan rumah tangga babit lelaki direkodkan Januari hingga Julai 2025*. Berita Harian.
- Fauziah Mohamad. (1998). *Kaunseling rumah tangga*. Pustaka Ilmi.

- Fawole, O. I. (2008). Economic violence to women and girls: Is it receiving the necessary attention? *Trauma, Violence, & Abuse*, 9(3), 167–177.
- Ghazali Abd Rahman. (1989). *Perlaksanaan, amalan dan permasalahan undang-undang keluarga Islam: Pengalaman Wilayah Persekutuan* (Kertas kerja). Seminar Perlaksanaan Undang-Undang Keluarga Islam Peringkat Kebangsaan.
- Hanbal, A. b. M. (2001). *Musnad Ahmad ibn Hanbal* (S. Arnaut & 'A. Murshid, Eds.; 1st ed.). Risalah Foundation.
- Harian Metro. (2025, October 30). *Suami mangsa keganasan rumah tangga mungkin lebih: 1,183 kes direkodkan polis* – Kaunselor. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/10/1282272/suami-mangsa-keganasan-rumah-tangga-mungkin-lebih-1183-kes-direkodkan-polis>
- Hubler, D. S., Burr, B. K., Gardner, B. C., Larzelere, R. E., & Busby, D. M. (2016). The intergenerational transmission of financial stress and relationship outcomes. *Marriage & Family Review*, 52(4), 373–391.
- Husni, A. B. M., Husni, A. B. M., & Niteh, M. Y. (2022). Masalah keganasan rumah tangga dan penyelesaiannya dalam pandangan maqasid syariah. *South East Asia Journal of Contemporary Business, Economics and Law*, 26(1), 88–98. https://seajbel.com/wp-content/uploads/2022/03/SEAJBEL26.ISU1_237.pdf
- Jabatan Agama Islam Selangor. (2008, December 31). *Kursus pra-perkahwinan*. <http://www.jais.net.my>
- Jabatan Kehakiman Malaysia. (2023). *Buku garis panduan pengendalian kes keganasan rumah tangga* (Edisi kedua). <https://www.kehakiman.gov.my/sites/default/files/2023-06/BUKU%20GARIS%20PANDUAN%20PENGENDALIAN%20KES%20KEGANASAN%20RUMAH%20TANGGA%20EDISI%20KEDUA.pdf>
- Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor. (2018). *Jawatankuasa pendamai*. https://syariah.johor.gov.my/wp-content/uploads/2018/03/JK_Pendamai.pdf
- Johari, H., Zakaria, N. A., Abdul Hamid, M., & Amirrudin, R. (2025). Analysis of literature addressing the issues of domestic violence for the development of a civilised Malaysia. *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly and Disabled*, 23. <https://ijcwed.com/wp-content/uploads/2025/02/IJC23-073.pdf>
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2021). *Analisis keganasan rumahtangga di Malaysia tahun 2020*. https://hq.moh.gov.my/bpkk/images/3.Penerbitan/2.Orang_Awam/5.Kesihatan_Dewasa/2.PDF/1Analisis_Keganasan_Rumahtangga_Di_Malaysia_Tahun_2020.pdf
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. (2023). *Buku garis panduan pengendalian kes keganasan rumah tangga* (Edisi kedua). <https://www.kehakiman.gov.my/sites/default/files/2023-06/BUKU%20GARIS%20PANDUAN%20PENGENDALIAN%20KES%20KEGANASAN%20RUMAH%20TANGGA%20EDISI%20KEDUA.pdf>
- Kes Saman No. 10001-055-0211-2022.
- Kim, J., & Gray, K. A. (2008). Leave or stay? Battered women's decision after intimate partner violence. *Journal of Interpersonal Violence*, 23(10), 1465–1482.
- Lusardi, A., & Mitchell, O. S. (2014). The economic importance of financial literacy: Theory and evidence. *Journal of Economic Literature*, 52(1), 5–44.
- Mashadi Salamon. (1983). *Peranan pejabat kadi dalam masyarakat Islam* (Kertas kerja). Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan.
- McKay White, R., & Fjellner, D. (2022). The prevalence of economic abuse among intimate partners in Alberta. *SAGE Open*, 12(1). <https://doi.org/10.1177/21582440221084999>
- Mohd Radzuan Ibrahim. (2006). *Munakahat: Undang-undang dan prosedur*. DRI Publishing House.

- Nora'inan Bahari. (1998). Penggubalan dan peruntukan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor 1984: Satu analisis. *Jurnal Syariah*, 6, 10.
- Norziah, O. (2024, January 20). *Guna pendekatan holistik tangani penceraian pasangan muda Muslim*. Berita RTM. <https://berita.rtm.gov.my>
- Nur Muzdalifah Zulkarnain, & Zaimah Ramli. (2020). *Perancangan kewangan ke arah perkahwinan dalam kalangan belia*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nurfitriavi Nuriman, Tamanni, L., & Indra. (2023). Analisis pengaruh literasi keuangan syariah terhadap perencanaan dan pengelolaan keuangan syariah keluarga pasangan muda pasca pandemi Covid-19. *Journal of Comprehensive Science*, 2(8), 1482–1496.
- Seksyen 47(6) Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984.
- Seksyen 47(7) Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984.
- Seksyen 47(8) Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984.
- Shamrayu A. Aziz. (2022, November 18). *Undang-undang dan kesejahteraan keluarga Malaysia: Pencapaian dan harapan*. The Malaya Post. <https://themalayapost.my/undang-undang-dan-kesejahteraan-keluarga-malaysia-pencapaian-dan-harapan/>
- Shukor, H. A., Hashim, H., Ghulam Khan, I. N., & Hasnizam. (2024). *Krisis rumah tangga: Punca-punca dan cara untuk mengatasinya menurut perspektif syariah dan Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984*.
- Sunarti, E., Tati, A., Noorhaisma, R., & Lembayung, D. P. (2005). Pengaruh tekanan ekonomi, dukungan sosial, kualitas pernikahan, pengasuhan, dan kecerdasan emosi anak terhadap prestasi belajar anak. *Media Gizi & Keluarga*, 29(1), 34–40.
- Tetitia Yusoff. (2025, October 30). *Kes keganasan rumah tangga libat mangsa lelaki meningkat*. Berita RTM.
- The Star. (2025, October 31). *Over 6,000 male domestic violence cases in four years*. The Star.
- Tirmidhī, M. b. 'Īsā. (1999). *Sunan al-Tirmidhī* (A. M. Shākir, Ed.; 2nd ed.). Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī.
- Utusan Malaysia. (1999, October 12). *Krisis rumah tangga perlu ditangani dengan fikiran terbuka*.
- Utusan Malaysia. (2002, September 16). *Pegawai sulh jadi perantara*.
- Wheeler, B. E., Kerpelman, J. L., & Yorgason, J. B. (2019). Economic hardship, financial distress, and marital quality: The role of relational aggression. *Journal of Family and Economic Issues*, 40, 658–672.
- Women's Centre for Change Penang. (1994). *Akta keganasan rumah tangga 1994 (Akta 521)*. <https://www.wccpenang.org/01important/laws/Akta-521-Akta-Keganasan-Rumah-Tangga-1994.pdf>
- Zaleha Kainaruddin. (1997). *Isu-isu kekeluargaan dan undang-undang*. Angkatan Belia Islam Malaysia.